

# ***Terus mendoakan kesihatan Tun Mahathir***

RAMAI terus mendoakan kesejahteraan negarawan terulung kita, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Khabar keadaan kesihatan Perdana Menteri keempat dan ketujuh itu muncul pada 2022 ketika negara masih bergelut untuk keluar dari tekanan ekonomi dan politik pasca pandemik begitu mencabar ini.

Sesekali bila hinggap di telinga atau melintas depan mata cakap-cakap ada seorang dua pemimpin dari negara tetangga yang menggamit perhatian dunia dengan karakter serta pencapaian 'harimau ekonomi'nya, kita di Malaysia seakan terasa - kekosongan yang belum terisi.

Suatu ketika yang tidak lama - tahun-tahun 90-an dan awal 2000 - beberapa kali membuat liputan berita di luar negara, kerap saya diajukan oleh rakan-rakan wartawan asing tajuk Mahathir yang sering jadi topik perbualan. Tajuk-tajuk perbualan ini menjurus kepada ketrampilan anak Malaysia dari Kedah ini.

Sampai sahaja di lapangan terbang negara mereka, baik di Jeddah, London, Amerika, Hong Kong, Islamabad dan Australia, saya disapa oleh pegawai pasport di imigresen, "*Malaysia... Mahathir...*" sambil menunjukkan isyarat tangan bagus, *well done*.

Apabila sahaja disebut Malaysia di luar negara, orang bertanya - Mahathir? Tanda tanya itu biasanya menjurus kepada pendirian Dr. Mahathir; kata-kata anti Zionisnya, falsafah tegasnya terhadap politik dunia, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Palestin, hegemoni Amerika dan hal-hal berkaitan aliran kuasa negara-negara besar. Setara lantang nada piawaiannya macam Nelson Mandela, Margaret Thatcher, Yasser Arafat atau kritikan pedas bernas dalam isu-isu Perang Teluk dan Perang Bosnia awal 90-an.

Terkenal dengan tindakannya yang pantas dan berhasil semasa menjadi Perdana Menteri fasa pertama dahulu, beliau memikirkan tentang tajuk-tajuk kemanusiaan, kemiskinan, logik agama, kepentingan negara Selatan-selatan, industri berat termasuk dasar automotif negara dan nilai-nilai murni di bawah dasar Pandang ke Timur.

Menjangkau usia 97 tahun, Dr. Mahathir berterusan diikuti perkembangan hidupnya tanpa jemu. Masih dan terus menjadi bahan berita utama. Individu yang membina banyak rukun untuk menjadi seorang legenda diiktiraf tanah airnya dan dunia.

Mahathir menjadi Mahathirisme dalam banyak cara. Tidak ramai mempunyai kehebatan pemikiran sepertinya.

Tiada seorangpun dalam dunia moden yang masih bertugas sebagai pemimpin negara pada tahap umur 94 tahun, jauh sekali sebagai perdana menteri atau presiden sesebuah negara di peringkat umur itu.

Kepintaran berolah dan berinteraksinya memberi kepadanya dividen keganjilan dan keunikan. Langkahnya masih panjang walaupun gontai, masih mampu dan bertenaga. Paling ketara, kemampuan mindanya walaupun sendat sesekali, lantas memaparkan pemikiran masih cerdas.

Tun Dr. Mahathir Mohamad punya latar belakang hidup yang begitu sukar ditandingi. Ibarat berjalan sudah terpanjang perjalanannya. Dari sudut pengalaman, tiada lain yang setanding dengannya.

Jika diukur sumbangan beliau, boleh dikatakan sebagai sebahagian besar pencapaian Malaysia hari ini.

Sesungguhnya Allah menentukan siapa yang beroleh kuasa memerintah. Rekod dunia sudah dipecahkan. Rekod negara sendiri apatah lagi. Puncak sudah didaki, lurah sudah dituruni. Cuma yang tinggal untuk dicapai hari ini ialah hasrat rakyat untuk hidup dalam kemampuan dan kesejahteraan.

Bersama-samalah kita mendoakan moga Dr. Mahathir dikurnia kesembuhan dan kesihatan yang baik.

**Zulkifli Jalil adalah Timbalan Pengarang Utusan Malaysia dan Mingguan Malaysia**